

Kelab Kakitangan Jabatan Bendahari UMS ceriakan Pusat Autisme UMS Labuan

NST 22.10.2016 18

LABUAN : Seramai 22 ahli Kelab Kakitangan Jabatan Bendahari Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan UMS Kampung Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah menceriakan Pusat Pengembangan Autisme UMS Labuan yang terletak di universiti tersebut.

Pemangku Bendahari UMS, Zalifah Shadan mengetuai pegawai dan kakitangan Jabatan Bendahari mengecat bilik yang bakal digunakan untuk anak-anak autisme mengaji dan menimba ilmu keagamaan.

Katanya, bilik tersebut yang dinamakan sebagai Rainbow Room diharap mampu menceriakan anak-anak autisme dan ibu bapa mereka.

"Kelab Kakitangan Jabatan Bendahari UMS melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) terhadap Pusat Pengembangan Autisme UMS

Labuan yang terletak di UMS Labuan dengan mengecat bilik mengaji bagi menceriakan anak-anak autisme," katanya ketika ditemui di Pusat Autisme Labuan, kelmarin.

Turut menyertai projek yang julu-julung kalinya diadakan itu ialah Timbalan Bendahari, Mohd Edrus Othman, Penolong Pendaftar Kanan, Hayati Salleh Baihaki dan Penolong Bendahari Kanan, Sektor Kewangan UMS Labuan, Mohd Nazir Ab Manan.

Hadir sama Timbalan Pengerusi Kelab Kakitangan Jabatan Bendahari UMS, Azmin Januin serta 15 kakitangan Sektor Kewangan UMS Labuan.

Zalifah berkata Rainbow Room itu akan dijadikan anak angkat kepada Jabatan Bendahari untuk melaksanakan pelbagai program bagi menambah ilmu anak-anak autisme dan ibu bapa.



CSR... Zalifah (berdiri lima kiri) bersama ahli Kelab Kakitangan Jabatan Bendahari UMS yang melaksanakan CSR di Pusat Autisme UMS Labuan

"Kelab Kakitangan Jabatan Bendahari UMS akan terus memberikan sokongan moral kepada Persekutuan Autisme Labuan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Pusat Autisme Labuan, Shafrry Mohd Sharif mengucapkan terima kasih kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Bendahari UMS yang prihatin dengan keperluan anak-anak autisme Labuan.

Sambil mengalau-alukan komitmen Jabatan Bendahari UMS itu, beliau bagi pihak Pengerusi Pusat Autisme Labuan,

Zakiah Hassan berharap lebih ramai individu dan syarikat swasta tampil memberikan bantuan kewangan untuk menampung kos operasi pusat tersebut.

Beliau tidak lupa merakamkan ucapan penghargaan kepada Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan Pengarah UMS Labuan, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik yang sentiasa memberikan sokongan moral dan kewangan kepada Pusat Autisme Labuan menjalankan aktivitinya.



CAT... Hayati (dua kiri) memerhatikan Zalifah mengecat Rainbow Room. Turut kelihatan Mohd Edrus dan Mohd Nazir (kiri)



LEKATKAN.. Zalifah melekatkan nama Rainbow Room sambil diperhatikan Hayati